

UMS rancang jalin kerjasama dengan universiti Jepun

UB 27.09.2012 B3

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
conyppearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk bekerjasama dengan universiti di Jepun bagi mempertingkatkan bidang pengetahuan psikologi.

Naib Canselor UMS, Profesor Dr Mohd Harun Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Southeast Asia Psikologi (Seap) 2012, di sini kelmarin.

Menurutnya, persidangan Seap pada tahun ini turut menunjukkan penyertaan yang agak memberangsangkan apabila menarik kehadiran lebih 400 peserta dari dalam dan luar negara seperti Jerman, Amerika Syarikat dan Filipina.

"Persidangan ini merupakan platform kepada ahli psikologi untuk bertemu dan bertukar ilmu pengetahuan psikologi.

"Selain itu, ini juga memberikan peluang kepada ahli psikologi untuk saling mengenali dan membina jaringan kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang," katanya.

Harun berkata, antara matlamat persidangan itu adalah untuk mendedahkan



HARUN(dua kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang daripada UMS bagi Anugerah Sekolah Psikologi sambil diperhatikan oleh Sharil (kiri) dan Murnizam (dua kanan).

kepada pelajar khususnya pelajar UMS dengan bidang psikologi untuk melihat keadaan sebenar, mendapatkan ilmu serta maklumat terkini daripada luar negara.

Persidangan Seap 2012 anjuran UMS itu akan dijalankan selama tiga hari bermula 26 hingga 28

September ini.

Dalam pada itu, Harun turut menyampaikan hadiah kepada pemenang kajian akademik bagi Anugerah Dekan, Anugerah Seap 2012 dan Anugerah Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial yang turut disertai oleh pelajar UMS, Universiti Nottingham, Universiti

Putra Malaysia, HELP University, Curtin University of Technology, Australia dan lain-lain.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Sharil Yusof, dan Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Prof Madaya Dr Murnizam Halik.